



## Mahathir lawat pameran perabot di KL

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

**TIMBALAN** Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (kiri), meneliti salah sebuah perabot di Pameran Perabot Antarabangsa (AFIA) anjuran International Trade Exhibitions & Marketing Services (INTEAMS) di Changkat Pavillon, Kuala Lumpur semalam.

Di tengah ialah isterinya, Datin Seri Hasmah Ali, yang juga asyik meneliti perabot-perabot yang dipamerkan. Sebanyak 40 syarikat mengambil bahagian di pameran tersebut.

Di belakang Datin Seri Hasmah ialah Pengarah Urusan INTEAM, Haji Mohd. Saldi bin Hj Ibrahim.

Dalam satu sidang akhbar selepas menyaksikan pameran itu, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, penggunaan kayu getah membuat perabot merupakan satu perkembangan menggalakkan dalam perkembangan teknologi perabot.

"Dengan demikian pokok getah bukan sahaja baik digunakan untuk mendapat getahnya bahkan juga kayunya boleh dibuat perabot.

Sementara itu, Setiausaha Persekutuan Pembuat dan Peniaga Perabot Malaysia, Encik Lee Kim Yoong, pula berharap Kerajaan dapat memberi galakan kepada ahlinya.

Ini termasuk memberi tapak untuk memperkembangkan industri berkenaan kerana mereka sekarang bergerak secara kecilan sahaja. — Gambar Berita Harian.

No. Siri 11, 4414  
No. Penerimaan 3257 / 87